PeKa B40

SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROTECTHEALTH

Lebih PeKa, Lebih Cakna

Apakah PeKa B40?

- Satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan untuk **menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah**, dengan memberi fokus terhadap **penyakit tidak berjangkit** (NCD).
- Dilaksanakan secara **berfasa**, sebagai **projek perintis** di seluruh negara.
- Ianya adalah **percuma**.

Siapakah Yang Layak?

- Penerima **Bantuan Sara Hidup** (BSH) dan pasangannya yang berdaftar.
- Berumur **50 tahun** dan ke atas dalam **tahun 2019.**
- Penyertaan adalah secara **automatik** dan **tiada pendaftaran** diperlukan.

Lebih PeKa, Lebih Cakna

Apakah Manfaat Yang Ditawarkan?

Manfaat 1: Saringan Kesihatan

- Boleh dilakukan oleh doktor di mana-mana klinik swasta yang berdaftar dengan PeKa B40.

- Penerima perlu menjalani Saringan Kesihatan (Manfaat 1) untuk layak mendapatkan Manfaat 2 (Bantuan Alat Perubatan), Manfaat 3 (Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Manfaat 4 (Insentif Tambang Pengangkutan).

- Saringan kesihatan merangkumi:
  i. pengambilan sejarah kesihatan dan penyakit individu serta keluarga termasuk faktor risiko kesihatan
  ii. saringan kesihatan mental
  iii. pemeriksaan fizikal
  iv. pemeriksaan klinikal payudara untuk penerima wanita, dan pemeriksaan klinikal prostat untuk penerima lelaki yang berisiko
  v. ujian darah dan ujian air kencing

- Tidak perlu berpuasa untuk menjalani ujian.

- Tidak termasuk sebarang rawatan atau ubat-ubatan.

Proses Saringan Kesihatan

Manfaat 2:
Bantuan Alat Perubatan

- Had maksimum RM20,000 (seumur hidup) diberikan dalam bentuk alat perubatan.
- Penerima manfaat perlu melakukan saringan kesihatan (Manfaat 1) terlebih dahulu.
- Kategori alat perubatan yang boleh dimohon:
  i. *Stent* untuk jantung
  ii. Alat sendi tiruan
  iii. Alat bantuan pendengaran
  iv. Perentak jantung
  v. Prostesis dan implan untuk tulang belakang
  vi. Prostesis dan ortosis tulang anggota
  vii. Kanta mata intraokular
  viii. Alat terapi pernafasan dan *oxygen concentrator*
  ix. Bantuan sokongan nutrisi
  x. Kerusi roda
- Merangkumi rawatan di Hospital KKM sahaja.
- Perlu dimohon oleh doktor / pakar perubatan KKM.

Manfaat 3:
Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser

- RM1,000 dibayar kepada pesakit kanser yang melengkapkan rawatan di hospital KKM sahaja.
- Penerima manfaat perlu melakukan saringan kesihatan (Manfaat 1) terlebih dahulu.
- Insentif dibahagikan kepada dua (2) kali bayaran bergantung kepada tahap rawatan.
- Insentif akan terus dibayar kepada penerima melalui akaun bank yang didaftarkan.
- Perlu dimohon oleh doktor / pakar perubatan KKM.

Manfaat 4: Insentif Tambang Pengangkutan

- Bertujuan untuk meringankan beban membayar kos pengangkutan apabila penerima mendapatkan rawatan di hospital KKM.
- Hanya terhad kepada penerima Manfaat 2 dan 3 sahaja.
- Had maksimum insentif adalah:
  - o RM 500 untuk Semenanjung Malaysia
  - o RM 1,000 untuk Sabah / Sarawak / Labuan
- Jumlah insentif bergantung kepada jarak antara hospital dan rumah penerima.
- Perlu dimohon oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau doktor yang merawat di Hospital KKM.
- Insentif akan terus dibayar kepada penerima melalui akaun bank yang didaftarkan.

Bagaimana Cara Untuk Mendapatkan Manfaat PeKa B40?

- Semak kelayakan sebagai penerima di laman web: **www.pekab40.com.my.**

- Jika layak, hanya bawa MyKad ke mana-mana klinik swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40 (mempunyai pelekat PeKa B40 di pintu klinik) untuk melakukan saringan kesihatan.

Untuk semakan kelayakan / maklumat lanjut,

kunjungi laman web PeKa B40 di:

www.pekab40.com.my

atau hubungi / emel

+603 2730 7575

info@pekab40.com.my